

28 OCT 1996

RTM-China

RTM AKAN SIARKAN LEBIH BANYAK PROGRAM MENGENAI CHINA

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Radio Televisyen Malaysia (RTM) merancang menyiarkan lebih banyak program berbentuk dokumentari dan maklumat mengenai pembangunan ekonomi dan cara hidup di China, kata Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zawawi Muhmuddin hari ini.

Beliau berkata program-program televisyen itu akan menjadi sebahagian daripada program Window of The World bagi menyediakan maklumat terkini mengenai China kepada penonton tempatan.

"Terdapat banyak yang menarik di sini, ahli perniagaan tempatan akan tertarik kepada perdagangan dan kemajuan ekonomi terkini, manakala pelancongan tempatan pula akan mengetahui tempat-tempat yang menarik untuk dilawati di China", kata Zawawi.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan Naib Menteri Radio, Filem dan Televisyen China, Yang Weiguang, yang mengetuai satu delegasi lima anggota dalam rangka lawatan tiga hari ke sini.

Ditanya mengenai program tv dari China yang disiarkan oleh RTM, Zawawi berkata pada masa ini kebanyakan program berbahasa Cina yang disiarkan diterbitkan oleh Television Broadcasting (TVB) dari Hong Kong.

Zawawi berkata terdapat banyak berita mengenai Malaysia kini disiarkan di China dan beliau diberitahu bahawa ucapan-ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu-isu antarabangsa telah disiarkan secara meluas di sana.

Sebagai sebahagian daripada memorandum persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dan penerangan yang ditandatangani pada 1992, RTM dan China Central Television (CCTV) akan mengkaji kemungkinan mewujudkan kerjasama antara syarikat penerbitan tv kedua-dua negara bagi menghasilkan filem-filem dokumentari, katanya.

Yang juga presiden CCTV berkata kedua-dua negara telah menjalinkan hubungan yang erat dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan sejak sekian lama.-- BERNAMA

YBK OBA